

# Pelajar sertai seminar isu-isu semasa anjuran mahasiswa UMS

UB 16/5/2011 B2

**S**ERAMAI 97 orang pelajar telah mengikuti seminar berkaitan isu-isu semasa dengan tema 'Ke Arah Penyelidikan Berkualiti' yang telah dijalankan di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan baru-baru ini.

Acara ini diadakan oleh mahasiswa tahun ketiga yang mengambil jurusan Pemasaran Antarabangsa.

Sementara itu, Profesor Madya Dr Norazah Mohd Suki dalam ucapannya mengatakan bahawa dengan menjalankan seminar ini pelajar dapat belajar banyak perkara tentang cara mengatur program atau seminar seperti ini.

Norazah mengatakan bahawa peserta akan memiliki nilai tambah

dan mereka boleh meletakkannya dalam resume bahawa mereka telah menyertai seminar ini.

Norazah mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa menyelenggarakan acara ini dengan jayanya.

Tujuan seminar ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang isu-isu semasa yang berkaitan bidang pemasaran.

Acara ini akan meningkatkan pengetahuan dan kualiti kajian akademik untuk mahasiswa.

Ia juga menyediakan saluran bagi pelajar untuk mengekspresikan pendapat mereka dalam pelbagai topik pemasaran dan kajian melalui persembahan kajian mereka.

Keutamaan penyelidikan

ini adalah untuk pelajar tahun tiga yang mengambil jurusan pemasaran antarabangsa sahaja.

Katanya, penting bagi mereka untuk menyertainya

kerana mereka akan menggunakan pelbagai jenis metodologi kajian untuk tujuan mereka sendiri dalam kerjaya masa depan.

Selain itu, seminar

ini juga melatih pelajar untuk memiliki semangat kerja berpasukan di antara mereka dan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi mereka.



**TIMBA ILMU ...** Kumpulan penuntut merakamkan kenangan beramai-ramai bersama Prof Madya Dr Norazah (tengah) selepas menghadiri seminar isu-isu semasa di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan, baru-baru ini.